

# Dunia abai Palestin

Dari muka 1

Bilangan mangsa yang cedera dilapor mencecah 29,800 dengan 70 peratus daripadanya kanak-kanak dan wanita.

Pada masa sama, sebanyak 95 bangunan kerajaan, 255 sekolah dan 74 masjid musnah manakala 162 mengalami kerosakan, termasuk tiga gereja.

Tentera Israel turut menasarkkan 52 pusat kesihatan dan 55 ambulans, sementara 25 hospital tidak lagi berfungsi.

Dalam majlis sama, Anwar berkata, negara-negara maju perlu melakukan lebih banyak memikul tanggungjawab dan membantu negara membangun dalam misi peralihan tenaga.

“Malaysia juga sedang mengubah ekonominya dan melabur dalam masa depan yang lebih bersih dan hijau termasuk melalui Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional.

“Syarikat minyak nasional, Petronas memberi komitmen untuk laluan pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050,” katanya.

Ketika ini, Anwar turut mengadakan pertemuan santai bersama beberapa pimpinan lain di luar Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC.



**ANWAR Ibrahim dan beberapa pemimpin termasuk Joe Biden bergambar ketika pertemuan pada Minggu Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik APEC di San Francisco, kelmarin. - AFP**

“Antaranya dengan Presiden Indonesia, Perdana Menteri Jepun, Perdana Menteri Australia dan pimpinan-pimpinan lain.

“Kami sempat bicara pelbagai perkara yang menjadi kepentingan bersama serta melaungkan komitmen untuk terus bekerjasama menerusi pelbagai bidang,” katanya.

Kata Anwar, ketika pertemuan dengan Vietnam, Presiden Vo

Van Thuong bersetuju meningkatkan kerjasama bagi menangani aktiviti penangkapan ikan haram di perairan Malaysia.

“Vietnam juga meminta Malaysia memudahkan kemasukan produk halal dan menjalin kerjasama dalam pensijilan halal,” katanya.

Pertemuan bersama Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra memohon Malaysia memper-

timbangkan pembukaan sebuah pejabat di Peru untuk menjadi pemudah cara pensijilan halal bagi produk di negara tersebut.

“Malaysia berterima kasih kepada Peru kerana menyelamatkan dan membantu 43 rakyat Malaysia yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia di Peru baru-baru ini,” kata Anwar.